



“MEMELIHARA HATI”

<p>أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿١٠١﴾ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿١٠٢﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿١٠٣﴾</p>	1
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	3
<p>Saudara yang dikasihi Allah swt sekalian, Marilah kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan hidup kita berbahagia di dunia dan di akhirat.</p>	4
<p>Kita berkewajipan memelihara hati, malah Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan kita melalui sebuah hadis Baginda: أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.</p> <p>“Ketahuilah bahawa dalam jasad manusia ada seketul daging (segumpal darah), jika baik daging tersebut, maka baiklah seluruh anggota dan jika rosak daging tersebut, maka rosaklah seluruh anggota, itulah hati.” – (Riwayat Bukhari dan Muslim).</p>	5
<p>Ketahuilah sidang Jamaah sekalian, bahawa diri manusia terbahagi kepada dua iaitu: fizikal dan spiritual. Bahagian spiritual tersebut termasuklah akal, nafsu, perasaan dan yang paling utama ialah hati kerana tindakan, perbuatan, perilaku dan sikap seseorang dipengaruhi oleh hati.</p>	6
<p>Manakala sifat-sifat hati pula dijelaskan oleh Imam Al Ghazali di dalam kitab “Ihya’ ‘Ulumuddin” boleh dibahagikan kepada empat sifat. Iaitu sifat kebuasan, sifat kebinatangan, sifat kesyaitanan dan akhir sekali sifat ketuhanan. Bila manusia dikuasai oleh sifat kemarahan, maka ia akan berubah sikap seperti binatang buas yang suka bertindak mencetuskan permusuhan, kemarahan dan serangan terhadap orang lain dengan pukulan dan makian. Sekiranya manusia itu dikuasai oleh nafsu syahwat, maka sikap dan perlakuannya juga seperti haiwan sehingga sanggup merogol anak kandung sendiri, mendera bayi yang tidak berdosa, bersikap rakus, tamak haloba dan lain-lain lagi.</p>	7
<p>Selanjutnya Imam Al-Ghazali mengibaratkan bahawa hati itu bagaikan seorang raja yang dipatuhi dan ditaati oleh jasad seseorang, sedangkan anggota badannya itu sendiri adalah bagaikan rakyatnya.</p>	8
<p>Hati dan perasaan haruslah sentiasa dijaga dari sifat-sifat yang boleh merosakkan. Hati manusia hendaklah sentiasa dipandu dan dipantau ke arah jalan yang betul berdasarkan ajaran Islam yang sebenar. Jika tidak dikawal, hati akan dikuasai oleh nafsu dan syaitan yang akan menyebabkan pelbagai penyakit hati seperti hasad dengki, tamak haloba, pemaarah, riya’ dan sebagainya.</p>	9



<p>Secara umumnya untuk membersihkan hati yang kotor, kita hendaklah membiasakan diri dengan berzikir, bertasbih dan bertahmid kepada Allah Subhanahu Wata'ala.</p>	10
<p>Hati juga boleh diubah dengan beberapa perkara iaitu:-</p> <p>1. Dengan membaca Al Quran dan memahami serta mentadabbur maknanya. Firman Allah SWT. Dalam Surah shod ayat 29:</p> <p style="text-align: center;">كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾</p> <p>“(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepada-mu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang yang berakal sempurna beringat mengambil ‘iktibar”.</p>	11
<p>2. Meningkatkan amalan solat sunat di waktu malam. 3. Bersahabat dengan orang soleh dan alim ulama’. 4. Melazimi amalan berpuasa sunat. 5. Sentiasa berzikir di waktu siang mahu pun di malam hari. 6. Sentiasa mengingati mati.</p> <p>Amalan-amalan sunat ini, insya Allah akan dapat membersihkan hati kita dari sifat-sifat yang kotor, dengan hati yang bersih, ianya sentiasa mendorong untuk kita berbuat kebaikan dan kebajikan, mengutamakan keamanan dan kemakmuran. Janganlah kita menuruti kemahuan orang yang berpenyakit hati kerana mereka akan merosakkan bumi Allah dan merosakkan ketenteraman hidup di negeri ini.</p>	12
<p>Cara-cara lain dalam rangka menjaga dan memelihara kemantapan hati, ialah dengan berdoa memohon kemantapan dan keteguhan hati. Berdoa dengan ayat yang tersebut pada awal surah Ali ‘Imran, ayat 8:-</p> <p style="text-align: center;">رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾</p> <p>“Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; Sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya”.</p>	13
<p>Sidang Jamaah yang di kasihi Allah sekalian,</p> <p>Berbahagialah orang-orang yang dapat membersihkan serta memelihara jasmani dan rohaninya. Jasmani dibersihkan dari hadas dan najis, hadas besar atau kecil, baik najis ringan atau najis berat. Manakala hati atau jiwa dibersihkan pula daripada penyakit-penyakit yang mengancam kesuciannya. Penyakit paling berbahaya bagi hati ialah mempersekutukan Tuhan dengan yang lain, mendustakan kebenaran bersifat hasad dengki terhadap sesama manusia, benci, dendam, bongkak, sombong, angkuh dan lain-lainnya.</p>	14
<p>Sebagaimana Firman Allah dalam Surah Asy- Syams ayat 9 dan 10:-</p> <p style="text-align: center;">قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾</p> <p>“Maka berbahagialah barangsiapa yang membersihkannya. Dan celakalah barangsiapa yang mengotorinya”.</p>	15
<p>Lawan dari mensucikan atau membersihkan hati ialah mengotorinya. Seorang yang beriman hendaklah selalu mengutamakan kebersihan diri luaran dan dalaman, sebab kekotoran akan membuka segala pintu kejahatan. Sebagai contoh salah satu bukti dari kekotoran jiwa itu ialah perbuatan kaum Thamud, kaum yang diutus oleh Allah seorang rasul yang bernama Nabi Saleh. Kaum Thamud begitu sombong dan angkuh malah mereka tidak mempedulikan peraturan dan janji mereka dengan Allah S.W.T. Kaum Thamud adalah sekelompok kaum yang tidak mengutamakan nilai-nilai budi dan sopan, mereka meminum arak dan melakukan zina secara terang-terangan. Mereka merasakan diri mereka sahaja yang benar bahkan Mereka juga menentang, melanggar peraturan dan syaria Allah S.W.T.</p>	16



<p>Sidang Jumaat yang dimuliakan,</p> <p>Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana kita telah dilahirkan sebagai seorang Islam dan beriman kepada-Nya. Jika kita pernah melakukan maksiat dan dosa, maka bertaubatlah dan mohonlah keampunan kepada-Nya dengan beristighfar. Sebagai seorang muslim, kita hendaklah sentiasa menjaga hati jangan sampai hati kita menjadi tertutup tanpa hidayah.</p>	17
<p>Allah SWT. berfirman di dalam surah Al-Muthaffifin ayat 14:-</p> <p style="text-align: center;">كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾</p> <p>“Tidak sekali-kali; bahkan telah ditutupi hati mereka oleh apa-apa yang telah mereka usahakan itu”.</p> <p>Di dalam ayat ini Allah menyebut kalimah “Raana (رَانَ) yang memberi erti penutup. Ertinya apabila seseorang berbuat suatu dosa, mulailah ada suatu titik hitam terkena di dalam hatinya.</p>	18
<p>Renungkan sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud:-</p> <p>“Sesungguhnya seorang mukmin apabila berbuat dosa atau kesalahan, maka terjadilah titik hitam dalam hatinya, namun apabila orang itu meninggalkan amal-amal buruknya seraya memohon keampunan dan bertaubat kepada Allah maka hatinya akan menjadi bersih. Namun apabila kembali berbuat dosa, titik hitam itu bertambah sehingga menutupi hatinya, itulah yang disebut “Raana” yang disebutkan oleh Allah dalam Firman-Nya”.</p>	19
<p>Setelah hati itu menjadi keras seperti batu. tidak mempunyai apa-apa fungsi lagi maka kesannya adalah sebagaimana Firman Allah SWT. dalam Surah Al-A’raaf, ayat 179:-</p> <p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ،</p> <p style="text-align: center;">وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْعَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾</p> <p>“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami dengannya ayat-ayat Allah; dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya bukti keesaan Allah dan yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya ajaran dan nasihat; mereka itu seperti binatang ternak; bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”</p>	20
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.</p>	21



KHUTBAH KEDUA

22	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
23	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
24	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
25	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
26	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
27	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ بْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	28
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmah dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan</p>	29
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah generasi muda kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.</p>	30
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	31
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾</p>	32
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	33